



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 28 APRIL 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4.	ISMAIL SABRI RAI PETANI, NELAYAN DAN PENTERNAK DI MAJLIS IFTAR, SH -ONLINE PM BERBUKA PUASA DENGAN PETANI, PENTERNAK, NELAYAN, UM -ONLINE MAFI PERUNTUKKAN RM9.93 JUTA BANTU PETANI, UTARA, HAKAKAH -16 KILANG PEMBUNGKUSAN PERTAMA HOTPACK DI ASIA TENGGARA, UTARA, HAKAKAH -17	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	1,125 KOTAK PRODUK BABI DIRAMPAS, LOKAL, HM -9	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	BERNAS SANTUNI PENUMPANG KTMB, NEGARA, KOSMO -18 KERAJAAN BUKAN BAYAR SUBSIDI UNTUK ORANG TERTENTU -KPDNHEP, HM -ONLINE MANSUHKAN AP AYAM, DALAM NEGERI, UM - 1 & 2 PENTERNAK NAFI WUJUD KARTEL AYAM, DALAM NEGERI, UM -4 KARTEL: MyCC KUNCI MULUT, DALAM NEGERI, UM -4 INDUSTRI TERNAKAN AYAM PERLU DIAUDIT, RENCANA, UM -14 & 15 LEMANG BESI LEBIH BERSIH, BERKUALITI, GAYA INOVASI, UM -24 & 25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Ismail Sabri rai petani, nelayan dan penternak di Majlis Iftar



Ismail Sabri beramah mesra bersama para hadirin pada Majlis Berbuka Puasa Perdana Menteri Bersama Golongan Petani, Penternak dan Nelayan di Kompleks Seri Perdana pada Rabu. -Foto Bernama

PUTRAJAYA - Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Rabu berbuka puasa bersama petani, nelayan dan penternak di kediaman rasmi beliau di Seri Perdana di sini.

Turut serta pada majlis itu ialah Pengerusi Persatuan Pekebun-Pekebun Melayu Cameron Highland, Datuk Syed Abd Rahman B Syed Abd Rashid dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Datuk Zamri Yaakob.

Selain itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari, Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Ishak Taib dan Pengerusi Jawatankuasa Badan Penyelaras PPK Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada), Ismail Mat.

Hadir sama Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah serta Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid.

Majlis yang dihadiri kira-kira 500 tetamu itu turut diserikan dengan kehadiran 30 anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan Nur Ain Bangi, Selangor.

Selepas berbuka puasa, Ismail Sabri menunaikan solat maghrib berjemaah bersama tetamu yang hadir. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/4/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## PM berbuka puasa dengan petani, penternak, nelayan



ISMAIL Sabri Yaakob beramah mesra pada Majlis Berbuka Puasa Perdana Menteri bersama petani, nelayan dan penternak di Kompleks Seri Perdana di Putrajaya. - FOTO/FAISOL MUSTAFA

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berbuka [puasa](#) dengan ratusan petani, nelayan dan penternak dari seluruh negara di Seri Perdana, di sini hari ini.

Turut hadir meraikan beliau ialah kedua-dua

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I dan II iaitu Datuk Seri Ahmad Hamzah serta Datuk Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Program yang disertai kira-kira 500 tetamu dan berlangsung di Laman Sari kediaman rasmi itu juga disertai Ketua Setiausaha kementerian berkenaan, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Tidak ketinggalan ialah Pengerusi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Datuk Zamri Yaakob dan Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari.

Pada majlis berkenaan, Ismail Sabri turut meluangkan masa menyantuni sekumpulan 30 orang anak yatim yang didatangkan khas dari Pertubuhan Kebajikan Nur Ain, Bangi, Selangor.

Beliau juga berkesempatan menunaikan solat fardu Maghrib dan Isyak serta mengerjakan sembahyang sunat tarawih dan witr bersama-sama jemaah yang datang sebelum pulang. – [UTUSAN](#)

# MAFI peruntukkan RM9.93 juta bantu petani

**KUBANG PASU:** Sebanyak RM9.93 juta diluluskan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk membantu para petani yang terjejas tanamannya akibat banjir dan padi rebah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Bantuan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) kepada 6,887 petani yang terjejas akibat bencana tersebut pada September dan November tahun lalu melibatkan kerosakan seluas 8,520 hektar.

Menteri MAFI, Ronald Kiandee berkata, kementerian itu melalui MADA akan terus melakukan usaha dan ikhtiar sebaiknya bagi memastikan kebajikan para peladang mendapat pembealaan yang sewajarnya.

“Saya berharap, bantuan wang ihsan daripada kerajaan ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh petani dan peladang serta dapat memberi suntikan modal penanaman padi musim pertama 2022



**Penyampaian bantuan wang ihsan kepada petani kawasan MADA.**

yang ketika ini baru sahaja bermula,” kata beliau pada majlis penyampaian TBTP di Dewan Tunku Anum, Jitra, 21 April lalu.

Pada majlis itu juga, bantuan kepada 5,931 peladang dari Wilayah 2 MADA Jitra, Wilayah 3 MADA Pendang serta Wilayah 4 MADA Kota Sarang Semut juga disampaikan melibatkan RM8.63 juta.

Bantuan TPBP itu melibatkan 8,241.6 hektar sawah padi yang rosak atas sebab pelbagai bencana.

“TBTP ini diwujudkan oleh MAFI sebagai bantuan khas kepada penanam padi yang menghadapi bencana luar jangka seperti serangan wabak, bencana alam dan lain-lain faktor yang tidak dapat dielakkan.

“Di bawah TBTP, pesawah yang mengalami kemusnahan tanaman padi akibat banjir bakal menerima bantuan secara tunai sehingga RM1,800 per hektar dengan had maksimum sehingga 3 hektar,” tambah beliau lagi.

# Kilang pembungkusan pertama Hotpack di Asia Tenggara

Oleh **SARINA ISMAIL**

**JERAI:** Sebanyak 10 buah kilang pembungkusan terbiodegrasi yang bakal didirikan di Kedah merupakan yang pertama Hotpack di Asia Tenggara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Ronald Klandiee berkata kejayaan itu secara tidak langsung berpotensi menjadikan Malaysia sebagai hab terbiodegradasi terkemuka di rantau tersebut.

Beliau yang hadir pada majlis pecah tanah di Gurun, 21 April lalu juga berkata pelaburan ini mampu melahirkan tenaga kerja mahir dan separa mahir serta menghasilkan pembungkusan terbiodegradasi daripada pelbagai jenis sisa pertanian dan bahan agrobiojisim lain.

“Model mampan dan ki-



**Menteri MAFI, Ronald Klandiee menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Hotpack Packaging Industries LLC, UAE, di Gurun, 21 April lalu.**

liran ini akan membawa kepada pendapatan yang lebih baik untuk lebih ramai komuniti petani di Malaysia, di samping menarik lebih ramai pelabur asing, melindungi alam sekitar, dan menambah nilai kepada

pertanian lestari di Malaysia dan UAE,” ujar beliau.

Kilang terbabit dijangka mampu menawar 1,200 peluang pekerjaan dalam tempoh 10 tahun akan datang manakala 300 sekitar tiga hingga lima tahun pertama

pengoperasiannya.

Exco Perusahaan, Perladangan dan Komiditi, Azman Nasrudin yang turut hadir pada majlis itu berkata, pembinaan kilang pengeluaran pertama seluas 3,200 meter persegi di tapak Free The Seed akan bermula Mei ini dan jangka siap Ogos akan datang.

“Kos pembinaan secara keseluruhan berjumlah RM400 juta dan merupakan kilang pertama Hotpack di Asia Tenggara buat masa ini,” jelas beliau.

Majlis Pecah Tanah Hotpack Packaging Industries LLC, UAE turut dihadiri, Timbalan MAFI II, Dato’ Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh, Ahli Parlimen Jerai, Ustaz Sabri Azit dan para pegawai kanan pengurusan tertinggi kementerian terbabit.

# 1,125 kotak produk babi dirampas

**Butterworth:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang merampas lebih sembilan tan produk daging babi dalam tin dari China bernilai RM453,600 selepas pemeriksaan ke atas satu kontena di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini, Isnin lalu.

Pengarah MAQIS negeri,

Muhammad Ikram Abdul Talib berkata, ketika pihaknya mendapati terdapat satu kontena membawa masuk 1,125 kotak produk babi ke pelabuhan berkenaan.

“Pemeriksaan mendapati 9,180 kilogram produk babi yang ditinkan dianggarkan bernilai RM453,600 dari negara China tiada permit import MAQIS.

“Berikutan itu, semua

produk dagangan berkenaan ditahan untuk siasatan,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Jelasnya, perbuatan mengimport produk babi tanpa permit sah adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 11 (1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11

(3) akta yang sama.

“Tindakan penguatkuasaan perlu bagi menghalang risiko kemasukan virus *African Swine Fever* (ASF) ke negara ini yang mampu menjejaskan industri peternakan babi Malaysia.

“Antara produk berisiko dalam penularan virus ASF seperti babi salai, sosej babi, produk babi ditinkan dan seumpamanya,” katanya.

## Bernas santuni penumpang KTMB

**KUALA LUMPUR** – Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dengan kerjasama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) mengedarkan sebanyak 2,500 pek bubur lambuk bagi meraikan penumpang tren elektrik (ETS) sempena perayaan Aidilfitri di sini semalam.

Program anjuran julang kali itu bermula seawal pukul 8 pagi di Stesen Kuala Lumpur manakala pukul 2.40 petang di KL Sentral.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Bernas, Rozita Ahmad berkata, program penyediaan dan edaran bubur lambuk bernas dan KTMB merupakan kolaborasi pertama di antara dua syarikat ini.

"Buat pertama kali, gabungan kakitangan Bernas dan

KTMB berjaya menghasilkan lebih 2,500 pek bubur lambuk yang menggunakan beras putih tempatan dan juga beras wangi.

"Kami harap semua penumpang dapat menikmati bubur lambuk istimewa kami ini sebagai juadah berbuka puasa nanti," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi KTMB, Mohd. Zain Mat Taha.

Bagaimanapun ujar Rozita, keselamatan dan kesihatan diri juga perlu dijaga dan tidak diabaikan meskipun dalam kemeriahan Aidilfitri.

"Orang ramai diingatkan untuk sentiasa patuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi melindungi diri serta keluarga," tambah beliau.



**ROZITA (tengah) dan Mohd. Zain (kanan) mengedarkan bubur lambuk kepada penumpang ETS di KL Sentral semalam.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/4/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

## Kerajaan bukan bayar subsidi untuk orang tertentu - KPDNHEP [METROTV]



Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran bakal mengambil tindakan tegas kepada mana-mana peniaga yang menjual minyak masak peket kepada golongan tertentu sahaja.

Pengarah KPDNHEP Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, kerajaan tidak pernah menetapkan barangan bersubsidi untuk

golongan tertentu sahaja, sebaliknya membayar subsidi itu dinikmati semua rakyat negara ini.

"Dia (peniaga) tak boleh beri kepada orang yang dia kenal sahaja kerana barangan bersubsidi layak diterima semua rakyat kita.

"Kerajaan bukan bayar subsidi untuk (dinikmati) orang tertentu, jadi kalau ada peniaga buat macam itu boleh buat aduan bagi membolehkan kita mengambil tindakan.

"Peniaga yang melanggar peraturan itu boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam sidang media selepas mengadakan tinjauan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2022 di Pasar Raya Lotus's Selayang di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian mengulas dakwaan sikap segelintir peniaga di sini yang menjual minyak peket kepada kenalan atau golongan tertentu sahaja.

Dalam pada itu Ariffin berkata, pihaknya akan memastikan bekalan ayam, telur dan minyak masak mencukupi terutama pada musim perayaan Aidilfitri ini.

"Setakat semalam, kita tidak terima aduan barangan tidak mencukupi dan kita akan terus memastikan bekalan sentiasa ada terutama pada hari raya.

"Kita juga menempatkan 89 penguat kuasa dan 79 pegawai pemantau harga di lokasi tumpuan ramai membeli belah seperti pasar awam, pasar malam, pasar tani, kedai runcit dan pasar raya bagi memastikan pematuhan peniaga sepanjang tempoh pelaksanaan skim ini.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) juga akan bekerjasama membuat pemantauan untuk memastikan bekalan barangan mencukupi dan harga di pasaran berpatutan," katanya.





Ariffin Samsudin bertemu bersama pelanggan yang membeli minyak masak paket ketika tinjauan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP-HRP) 2022 di Lotus's Selayang. FOTO ASYRAF HAMZAH

28/4/2022

UTUSAN

MUKA DEPAN

1

MALAYSIA

# Mansuhkan AP ayam

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR, OMAR ZIN, AHMAD FADHULLAH ADNAN dan ARIF AIMAN ASKOL**  
utusanews@freemedia.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu segera memansuhkan permit import (AP) ayam yang didapati banyak mencetuskan pelbagai masalah termasuk pelbagai industri ternasuk menjejaskan industri ternakan tempatan.

Mekanisme tersebut bukan

● Mudah disalah guna seperti kereta import

● Jejas industri ternakan tempatan

sabaja membuka ruang disalahgunakan oleh pihak berkepentingan untuk mengaut keuntungan atas angin seperti berlaku dalam perniagaan kereta import, malah ia tidak langsung membantu untuk menurunkan harga ayam dalam pasaran pada masa ini.

Selain merugikan negara dari segi tukaran wang asing, ayam import yang telah diproses dalam bentuk sejuk beku itu turut di-

ragui kualitinya serta pematuhan piawaian standard halal.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Koperasi Generasi Transformasi Ruminan, Nordin Mat menegaskan, pemberian AP tidak akan menyelesaikan isu kartel, sebaliknya memberi ruang kepada pihak-pihak tertentu untuk memonopoli pasaran jualan ayam.

Katanya, masalah kartel ayam berlaku selama ini berpunca ak-

bat pengagihan AP tidak telus apabila diberi kepada syarikat tiada berkecayakan demi mengaut keuntungan atas angin.

"Isu kenaikan harga ayam tidak akan berlaku jika tiada pihak yang memonopoli pasaran sehingga perkara itu membebankan kehidupan rakyat kerana terpaksa membeli pada harga lebih tinggi.

**Bersambung di muka 2**

Minda  
Pengarang

ISMAIL DAUD



## Jangan ada waswas halal haram

ISU dakwaan sembelihan haiwan di Australia yang didakwa melanggar protokol halal tidak boleh dipandang ringan atau diambil mudah. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bukan sahaja perlu bertindak segera tetapi juga perlu menunjukkan bahawa tindakan sudah diambil.

Soal halal haram makanan ini bukan isu kecil. Kesannya sangat besar kepada masyarakat. Jakim tentu faham tentang ini tetapi ramai berpendapat, sikap dan pendekatan Jakim dalam isu langgar protokol halal itu setakat ini sebagai perlahan dan tidak memuaskan hati.

Kata mereka, langkah pertama yang sepatutnya Jakim ambil ialah menggantung sementara produk dari rumah sembelihan yang terlibat itu walaupun premis itu ada pensijilan halal daripada Supreme Islamic Council of Halal Meat in Australia (SICHMA).

Ini bagi menunjukkan badan pensijilan halal Malaysia itu benar-benar serius dan komited dalam isu produk halal yang dibawa masuk ke negara ini. Jika Jakim tidak ambil tindakan, pengguna tentu lebih sukar untuk tentukan daging yang datang dari rumah sembelihan itu.

Lagipun, masih ada beberapa lagi rumah sembelihan lain di negara berkenaan yang boleh membekalkan daging ke Malaysia, andai ada pihakimbang akan berlaku kekurangan bekalan akibat penggantungan itu.

Jakim juga perlu menyiasat dan meneliti rakaman video yang dikatakan dari rumah sembelihan itu dan menemu bual sendiri bekas pekerja yang mendakwa berlaku salah laku di rumah sembelihan itu. Ini boleh dikatakan wajib dilakukan.

Bekas pekerja itu berkata, dia melihat dengan mata kepala dia sendiri pelanggaran protokol halal yang berlaku itu. Takkanlah Jakim hanya diam dan tidak teruja untuk mendengar sendiri cerita daripada pekerja itu hanya kerana sudah ada SICHMA dan kepercayaan penuh kepada pegawai atase halal.

Dengar dulu cerita dia. Nampak macam ada sesuatu yang dia mahu pihak berkuasa tahu. Dakwaan bahawa pelaksanaan audit terhadap rumah sembelihan itu dimaklumkan lebih awal supaya persediaan dapat dibuat juga wajar disiasat lebih lanjut.

Kita kena faham kejadian itu berlaku di Australia, jauh dari mata kita di sini. Yang di depan mata (dalam negara) pun ramai yang langgar prosedur halal walaupun sudah ada sijil halal, inikan pula yang jauh.

Walaupun Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar Australia sudah memberi jaminan akan mengambil tindakan tetapi tindakan segera dan tuntas daripada Jakim tentunya lebih afdal.

Bab halal haram ini jangan ada keraguan, itu pesan ustaz saya dulu.

Ismail Daud ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

## Mansuhkan AP ayam

Dari muka 1

"Bukan sahaja AP dan pengeluaran, malah isu kartel ini wajib ditangani di peringkat kerajaan sendiri supaya tiada wujud tangan-tangan yang membenarkan perkara seumpama ini berlaku.

"Selain menghapus atau mengkaji mekanisme pemberian AP, kita perlu melihat pihak terlibat mengeluarkan permit ini bagi memastikan tiada salah laku dan pelanggaran integriti," katanya.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* mendedahkan sebanyak lima kartel didakwa telah berpuluh-tahun menguasai keseluruhan rantaian industri ayam di negara ini dan bermaharajalela memonopoli sektor penting makanan negara itu yang bernilai RM10 bilion setiap tahun itu.

Sumber dalam industri mendakwa, kartel-kartel ini menguasai hampir 70 peratus daripada keseluruhan bekalan 2.2 juta ekor di pasaran setiap hari pada masa ini, iaitu kira-kira 1.5 juta ekor ayam sehingga banyak pihak mencadangkan agar kerajaan mewujudkan sebuah lembaga khas bagi mengawal selia industri berkenaan seperti dilakukan terhadap perusahaan sawit dan perikanan.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penternak Manjung, Tan Wooi Peng berkata, industri ternakan tempatan terancam dan berisiko menutup perniagaan jika pemberian AP dikekalkan.

Katanya, kerajaan sepatutnya membantu penternak tempatan dan bukan memberi tekanan kepada golongan berkenaan dengan hanya bergantung kepada



**KERAJAAN** perlu memansuhkan AP ayam bagi mengelak ia disalahgunakan dan menyelamatkan industri ternakan tempatan.

produk import.

"AP perlu dibatalkan. Kerajaan mesti menyokong proses pemuliharaan penternak tempatan. Kalau kita meneruskan import ia akan menyebabkan penternak hilang pekerjaan yang akhirnya menyebabkan tiada lagi industri ternakan tempatan," katanya di sini, semalam.

Dalam pada itu, seorang penternak, Mohd. Firdaus Mat Saad berkata, harga ayam di pasaran boleh stabil dengan menghentikan aktiviti mengimport yang dilaksanakan sebelum ini untuk mengatasi kekurangan bekalan makanan dalam negara.

Dia berkata, rata-rata ayam import kini lebih mahal bermula dari RM8 hingga RM9 berbanding RM6 hingga RM7 ayam tempatan, menyebabkan wujud ketidakstabilan harga di pasaran.

"Kerajaan bagi AP kepada pengusaha tempatan untuk import ayam, tapi ada yang tak nak import pun sebab rugi bila ayam jadi mahal. Ayam gunting boleh lagi diimport tapi harga seekor ayam jauh lebih mahal," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Suruhanjaya Pesaingan Malaysia (MyCC) enggan mengulas berhubung siasatan terhadap isu persaingan dalam industri ayam dan telur berikutan arahan yang diterima daripada Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Dalam kenyataannya kepada *Utusan Malaysia*, jurucakap suruhanjaya itu berkata, MyCC mengambil maklum berkenaan dakwaan wujud kartel dalam industri ayam seperti dilaporkan akhbar ini.

Kalau ada, 40 ladang tidak akan ditutup

## Penternak nafi wujud kartel ayam

Oleh AHMAD FADHLULLAH  
ADNAN  
fadhlullah.adnan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) menafikan kewujudan kartel yang menguasai rantaian industri ayam negara ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Penasihatnya, Datuk Jeffrey Ng berkata, ia merupakan dakwaan yang tidak berasas dan tidak adil sama sekali terhadap golongan penternak.

Katanya, penternak tidak akan menanggung kerugian sekiranya wujud kartel seperti yang didakwa itu.

"Industri ayam ini kalau ada kartel kenapa kita rugi? Itu satu persoalan yang saya tanya. Sepatutnya kalau ada kartel semua kena untung."

"Cakap (wujud) kartel itu tak logik. Fakta apa yang diambil bahawa industri ini ada kartel? Ini menimbulkan satu isu yang tak menyenangkan hati orang terutamanya penternak.

"Sudah lebih 40 ladang (ayam) tutup, sepatutnya orang tak akan tutup ladang kalau ada kartel. Tuduhan itu tak ada asas sama sekali, kalau pakai cakap saja, saya pun boleh cakap. Banyak isu tak selari dengan apa yang berlaku di industri," kata beliau ketika dihubungi, semalam.

Isnin lepas, akhbar ini melaporkan, sebanyak lima kartel didakwa memonopoli sektor penting makanan negara bernilai RM10 bilion setiap ta-



**Industri ayam ini kalau ada kartel kenapa kita rugi? Itu satu persoalan yang saya tanya. Sepatutnya kalau ada kartel semua kena untung."**

JEFFREY NG

hun itu, sejak berpuluh-puluh tahun lalu.

Campur tangan politik dalam isu membabitkan dominasi kartel terhadap industri penternakan ayam di seluruh negara menyebabkan pihak terbabit terus bermaharajalela.

Malah *Utusan Malaysia* difahamkan, kegagalan menubuhkan lembaga khas bagi mengawal industri ternakan ayam juga dikaitkan dengan campur tangan ahli politik.

Mengulas lanjut, Jeffrey berkata, isu berkaitan ayam menjadi kritikal ketika ini disebabkan operasi yang lebih tinggi berbanding harga siling yang ditetapkan terutama pada peringkat ladang.

Katanya, ini kerana kos makanan ternakan ketika ini terutamanya jagung meningkat, namun harga kawalan itu ditetapkan sebelum berlakunya peningkatan tersebut.

"Kita sendiri dapat lihat apabila harga minyak sawit meningkat melebihi RM7,000 satu tan metrik, walhal sebelum peperangan Rusia-Ukraine atau sekatan pergerakan, ia cuma RM2,000 lebih dan paling tinggi hanya mencecah RM4,000.

"Perang itu melibatkan Belarus, Ukraine dan Rusia yang menjadi pengeksport terbesar minyak matahari, jagung, kacang soya dan gandum (digunakan dalam dedak ayam).

"Tambahan Ukraine, Belarus dan Russia adalah pengeksport makanan ayam kelapan, kesembilan dan kesepuluh terbesar. Apabila ketiga-tiga negara tidak ada eksport, maka kekurangan di peringkat dunia akan terlihat dan itu satu impak dalam rantaian makanan," jelasnya.

Dalam pada itu, Jeffery mengakui terdapat bantuan subsidi kerajaan namun banyak penternak berdepan masalah terutama berkaitan pendokumentasian bagi mendapatkannya.

"Kira-kira 65 peratus penternak berusia lebih 55 tahun, jadi mereka ini warga emas. Bila panggil buat dokumentasi, kebanyakan mereka kurang upaya untuk sediakan dokumentasi. Banyak penternak mengadu tak dapat subsidi.

"Bukan mahu katakan kerajaan tak bagi subsidi, tetapi perlu dipermudah. Sekarang bukan sahaja nak ternak ayam, tetapi kena buat dokumentasi tambahan lagi subsidi yang tak cukup dengan kenaikan harga barang ketika ini," ujarnya.

## Kartel: MyCC kunci mulut

**PETALING JAYA:** Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) enggan mengulas berhubung siasatan terhadap isu persaingan dalam industri ayam dan telur berikutan arahan yang diterima daripada Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Dalam satu kenyataan kepada *Utusan Malaysia*, jurucakap suruhanjaya itu berkata, MyCC mengambil maklum berkenaan dakwaan wujud kartel dalam industri ayam yang dilaporkan

akhbar ini, Isnin lalu.

Bagaimanapun, katanya, suruhanjaya itu tidak dapat memberikan sebarang penjelasan terhadap siasatan yang sedang dilakukan di bawah satu pasukan khas yang ditubuhkan di bawah Akta Persaingan 2010.

"Melalui Siaran Media bertarikh 9 Mac dan 8 April lepas, MyCC mengumumkan bahawa penyiasatan MyCC dalam isu ini sedang berjalan lancar, yang termasuk menjalankan aktiviti serbuan dan pengambilan penya-

taan perusahaan dan individu yang berkaitan.

"Kami juga mendapat kerjasama dari pelbagai pihak termasuk ada yang mahu bekerjasama untuk memberi maklumat penting supaya mereka mendapat kelonggaran.

"Memandangkan bahawa penyiasatan MyCC terhadap isu persaingan dalam industri ayam masih berjalan, MyCC tidak dapat memberi komen untuk menjaga integriti penyiasatan," jelas jurucakap itu, semalam.

## Rencana

# Industri ternakan ayam perlu diaudit

### MUKADIMAH

PENDEDAHAN demi pendedahan oleh akhbar ini mengenai kartel yang menguasai industri ayam terus menimbulkan persoalan mengenai hala tuju dan penyelesaian isu kenaikan harga ayam yang seolah-olah tidak mampu dikawal kerajaan. Kepada wartawan *Utusan Malaysia*.

**FAHMI FAIZ** dan jurufoto **MUHAMAD IQBAL ROSLI**, Pengarah Nafas Food Processing and Marketing Sdn. Bhd., **SHAFIQRRAHMAN SHAMSUDDIN** mengulas isu ini. Ikuti temu bual tersebut yang berlangsung di Petaling Jaya, Selangor, kelmarin.

**UTUSAN:** Boleh jelaskan siapa dan apa mereka buat?

**SHAFIQRRAHMAN:** Istilah kartel agak keras, sebab ia ada konotasi seolah-olah perbuatan jenayah. Mereka ini sebenarnya syarikat-syarikat besar yang menjadi pemain utama industri. Merekalah yang mencorakkan ekosistem industri ayam negara.

**Macam mana ekosistem itu?**

Ayam di pasaran hari ini datangnya daripada induk utama ayam yang digelar stok induk utama atau GPS. Kita bergantung kepada sumber GPS yang diimport dari United Kingdom, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah serta dalam negara.

GPS akan digunakan bagi menghasilkan stok utama (*parent stock*). Daripada itu, ia akan dihantar ke ladang baka untuk dibiarkan bertelur. Selepas bertelur, itu akan ambil masa 21 hari sebelum menetas menjadi anak ayam. Proses ini berlaku di pusat penetasan. Anak ayam yang menetas ini dipanggil *day-old chick* (DOC). Kemudian barulah dihantar oleh syarikat kepada penternak-penternak di seluruh negara.

**Apa berlaku selepas dihantar kepada penternak?**

Penternak akan bela anak ayam ini sampai matang, biasanya 30 hingga 35 hari sebelum dihantar ke pusat sembelihan untuk diproses. Akhirnya barulah ayam proses itu dibekalkan kepada pasaran.



**SHAFIQRRAHMAN Shamsuddin** ditemu ramah wartawan *Utusan Malaysia*. **Fahmi Faiz** (kiri) di Petaling Jaya, kelmarin.

**Jika begitu, di mana kartelnya?**

Mereka ini secara dasarnya pemain utama industri, lazimnya terlibat dalam membekalkan GPS, induk ayam dan anak ayam DOC. Tentang pembekal GPS, di Malaysia ada empat saja seluruh negara.

Kemudian, syarikat yang terlibat dalam bekalkan stok induk pula ada 30 di seluruh negara. Tapi yang GPS itu bukanlah satu fokus utama, sebaliknya kita harus fokus kepada syarikat pengeluar anak ayam di negara ini.

**Kenapa kena fokus kepada syarikat pengeluar anak ayam?**

Sebab faktor yang menyebabkan harga ayam di pasaran turun naik ialah harga

anak ayam dan makanan. Tentang anak ayam, setiap hari ada pengeluaran anak ayam, jadi yang kita mahukan ialah agar ada satu bentuk mekanisme kawalan yang tentukan berapa pengeluaran anak ayam seluruh negara setiap hari. Sebab syarikat yang mengeluarkan anak ayam seluruh negara cuma 30 saja. Jadi, sepatutnya tak susah mahu selia pengeluaran mereka.

**Mereka ada semua fasiliti dalam rantaian industri?**

Daripada 30 syarikat pengeluar anak ayam di seluruh negara, yang ada fasiliti proses ayam matang untuk dihantar ke pasaran adalah 15 syarikat. Syarikat inilah yang disebut *s integrator* iaitu

pengeluar ayam bersepadu.

Mereka ada semua dalam rantaian industri, ada anak ayam, ladang ayam atau mengupah penternak lain dan ada kilang proses yang lengkap terutama sembelihan. Di Malaysia, ada lebih kurang 30 syarikat besar yang dianggap mematuhi piawaian Veterinar Health Malaysia (VHM).

Maksudnya patuh kepada piawaian halal serta Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP). Jadi, orang yang ada stok induk lazimnya ada anak ayam. Dalam masa sama, dia ada kilang untuk proses bagi sembelihan dan pemasaran.

**Kenapa anak ayam jadi faktor tentukan harga ayam matang di pasaran?**

Kerana sekarang tiada

“  
Sebab sekarang ini, tiada sebarang sistem rekod data pengeluaran di syarikat-syarikat pengeluar anak ayam.”

sebarang sistem rekod data yang telus untuk kerajaan semak, berapa penghasilan anak ayam setiap hari. Apabila tiada sistem pemantauan atau satu lembaga khusus yang menyelia, sebab itulah sering berlaku putus stok anak ayam. Sedangkan ayam ini penting sebagai sumber makanan negara.

**Kenapa tiada lembaga khusus?**

Itulah hasrat kita, agar ada satu lembaga untuk mengawal industri ini. Kita tak boleh serahkan bulat-bulat kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Setiap hari kita perlukan 2.2 juta ekor ayam di pasaran untuk memenuhi keperluan makanan negara. Oleh sebab tiada lembaga yang kawal selia industri, maka syarikat-syarikat pengeluar anak ayam berkuasa menentukan berapa anak ayam yang mahu dikeluarkan. Jika terlebih, mereka akan bakar anak ayam supaya kurang bekalan dan harga sentiasa kompetitif bagi mereka.



**Jika terlebih, mereka akan bakar anak ayam supaya kurang bekalan dan harga sentiasa kompetitif bagi mereka."**

#### Kenapa mereka bakar?

Itu digunakan untuk menakutkan kerajaan dan tunjukkan seolah-olah mereka kawal. "Okay, hari ini ada lebih anak ayam, kami takut harga jatuh, kalau kerajaan tak bantu, kami bakar anak ayam." Jadi, suasana itu ditakutkan dengan cara bakar anak ayam. Sedangkan proses memetakan telur itu boleh berlaku dalam tempoh 21 hari sebelum ia menetas. Sebab telur itu bukan terus menetas, embrio dalam telur perlu tunggu 21 hari.

#### TIADA KAWALAN KERAJAAN

Jadi, punca kemelut ayam di pasaran bermula dari bekalan anak ayam yang diadabkan tiada lembaga atau akta mengawalinya?

Ya, sebab bila anak ayam berlebih maka akan berlaku penurunan pada harga. Sebab hari yang kita tahu berlaku lebih anak ayam, kita hanya tahu pada hari penetasan telur ayam itu. Dan untuk pengetahuan, data ini sebenarnya tiada yang kawal, syarikat-syarikat itu saja yang ditetapkan sama ada lebih atau kurang anak ayam mereka. 30 syarikat itu berpakat sesama sendiri.

Jadi, adakah mereka yang bersalah sebab harga ayam naik berterusan?

Kita nak salahkan mereka pun, tiada orang yang kawal mereka. Contohnya, kalau kita masuk ke kilang orang lain, kalau kilang itu tiada pengawal, kita masuk saja ikut pintu belakang misalnya. "Kamu salahkan saya sebab masuk kilang ini, tapi kamu tak letak pengawal." Puncanya sebab kerajaan itu sendiri tak ditetapkan sebarang bentuk kawalan, baik dari segi penubuhan lembaga atau apa saja bentuk mekanisme.



**PENGELUARAN** anak ayam secara sistematik dan berintegrasi perlu bagi memastikan harga stabil di pasaran.

Tapi ada sumber beritahu, bukanlah kerajaan tidak sediakan garis panduan, tapi kartel-kartel didakwa memberi rasuah sampai garis panduan tidak dipatuhi. Komen?

Itulah, apabila sudah tiada peraturan dan lembaga khusus untuk mengawal, apa saja industri pun, bila pihak itu sudah dapat kaut untung yang lebih tanpa kawalan, maka mereka mesti akan pastikan supaya sentiasa tiada terus kawalan. Itu lumrah.

#### Pentingkah lembaga untuk ayam dan unggas ini?

Jika diperhatikan, sejak Januari sehingga Mac tahun ini, kerajaan laksanakan sekurang-kurangnya tiga polisi untuk kawal harga ayam. Pertama, pada Januari, kerajaan keluarkan kelulusan import (AP) kepada 32 syarikat untuk bawa masuk ayam sejuk beku dari luar. Namun, malangnya ini tak dapat turunkan harga ayam.

Atas kegagalan pertama, maka pada Februari, kerajaan keluarkan pula empat AP import kepada empat pasar raya besar dan menyafurkan subsidi 60 sen sekilogram kepada penternak. Malang sekali lagi, semua ini turut menemui kegagalan untuk turunkan harga ayam sehingga hari ini.

**Kenapa perkara ini berlaku?** Sebab apabila tiada sebuah lembaga untuk kawal industri,

maka kerajaan terpaksa bergantung kepada syarikat-syarikat pengeluar anak ayam untuk menetapkan sebarang keperluan bekalan dalam industri.

#### Boleh beri contoh?

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan sampai hari ini, tiada langsung lembaga khusus kawal industri ayam. Sedangkan kalau ikan, ada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), padi juga ada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Malah industri yang kurang diketahui rakyat seperti kenaf pun ada Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara. Jadi, mengapa industri ayam yang penting ini tiada lembaga?

#### Jika tubuh lembaga, apa perkara utama perlu diberi tumpuan?

Kawal dan selia pengeluaran anak ayam secara sistematik dan berintegrasi, itu paling penting. Maksudnya, kerajaan dapat selia supaya di peringkat awal rantaian industri itu, ia telus. Sebab sekarang ini, tiada sebarang sistem rekod data pengeluaran di syarikat-syarikat pengeluar anak ayam.

#### Apa buktinya?

Saya tahu sebab saya berada dalam industri. Malah kita tahu, syarikat-syarikat ini tak perlu pun mendaftar berapa pengeluaran anak ayam mereka, tak perlu. Tapi benda ini penting supaya kerajaan

boleh audit dan pantau, sebab ini babitkan industri utama makanan negara.

Contohnya macam gula. Sesiapa yang ada permit import (AP), mereka mesti simpan stok, tak silap saya sekurang-kurangnya untuk tiga bulan. Yang mana kerajaan sentiasa boleh audit. Kalau kerajaan tengok stok kurang dari tiga bulan, kena denda waktu itu juga. Jadi, di situ jelas bahawa mekanisme pengawalan itu ada. Sebab pernah berlaku keputusan bekalan gula yang mengakibatkan harga melambung. Tapi yang anak ayam ini, kita tahu memang tiada.

#### Apa kebaikan yang sistem itu boleh beri kepada kerajaan dan industri?

Kita kena ada satu kaedah rekod data pengeluaran anak ayam yang berpusat dan berintegrasi. Ini perlu direkod sejak awal proses penetasan telur. Saya percaya, setiap syarikat mesti rekod berapa telur yang ada hari ini, betul tak? Mereka mesti rekod, sebab itulah yang tentukan pengeluaran mereka nanti. Jadi, dari awal mereka rekod dan dengan sistem yang berpusat dan dikawal, maka kerajaan akan tahu berapa banyak telur yang ada di Malaysia. Telur berumur sehari, kemudian telur sebetum menetas di usia 21 hari. Jadi, kalau tiba-tiba kata terlebih jumlah

telur, maka kerajaan boleh bagi arahan kepada syarikat-syarikat untuk matikan telur supaya tak menetas. Untuk mekanisme sebegini, ia sangat mudah, malah pembangun aplikasi pun boleh buat.

#### Slapa yang perlu kawal mekanisme ini?

Yang inilah perlu dicadangkan, supaya pihak memantau itu perlu ditubuhkan satu lembaga. Kerana kalau kita bergantung kepada MAFI saja, ia akan ada pertindihan. Saya bagi contoh. Kepakaran industri temakan ayam memang pada MAFI. Tapi soal import baka GPS misalnya, ia pasti melibatkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) kerana berkaitan AP. Kalau MITI mahu stok lagi banyak misalnya, maka ada Kementerian lain yang perlu dirujuk. Maksudnya, pengawalan industri ini tidak 100 peratus diletak atas bahu MAFI.

#### Macam mana pula dengan sekarang?

Segala pengeluaran, import eksport berkaitan ayam, kuasa mutlak itu terletak kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan MAFI. Sebab AP semua mereka yang tandatangan. Contohnya kalau mahu import ayam, semua melibatkan ahli lembaga dalam MAFI saja, tak pakai orang luar. Ada lapisan lembaga pengarah di pihak mereka, ada yang selia urusan teknikal, kemudian lapisan selanjutnya kelulusan pertama, kemudian kelulusan akhir, itu semua hanya diuruskan MAFI. Sekarang ini yang mengakibatkan turun naik harga sebab ada hari anak ayam terlebih, ada hari kononnya bekalan anak ayam berkurang yang mana kesahihannya pun kita tak tahu. Ini betul-betul berdasarkan desakan pasaran sahaja, mereka yang kawal. Mereka cuma rancang sesama sendiri dan kerajaan tak tahu.

#### Macam mana MAFI rekodkan semua data pengeluaran anak ayam seluruh negara?

Semua berdasarkan rujukan daripada pihak syarikat-syarikat swasta.



Daripada segi tekstur dan rasa sama sahaja kerana teknologi ini juga menggunakan kaedah pembakaran menggunakan gelombang ketuhar dan bukannya merebus.”

**KETUHAR** memang tidak akan memberi kesan kepada rasa dan tekstur lemgang.



PROSES penyediaan yang lebih bersih dan pantas menjadikan lemgang besi satu inovasi yang harus menjadi pilihan industri makanan tempatan.

## Lemgang besi lebih bersih, berkualiti

Oleh **INTAN SUHANA CHE OMAR**  
intan.suhana@mediamula.com.my

**T**IDAK lengkap rasanya sambutan hari raya jika tiada hidangan lemgang atau ketupat.

Pada 19 April lalu *Utusan Malaysia* melaporkan kemungkinan harga lemgang akan meningkat pada tahun ini berikutan harga buluh yang semakin meningkat berbanding tahun-tahun sebelum.

Harga buluh lemgang yang mencecah sehingga RM2.50 sebatang itu berkemungkinan bakal memberikan kesan terhadap harga lemgang bagi menyerap kos peniaga.

Perkara tersebut sudah tentu bakal membebaskan pengguna memandangkan harga bahan mentah lain juga menunjukkan trend peningkatan yang sama.

### INOVASI GANTI BULUH

Penyelidik Institut Pertanian Malaysia (MARDI) sudah lama membangunkan inovasi ketuhar lemgang atau turut dikenali sebagai lemgang besi sejak tahun 1984 bagi memberikan solusi kepada permasalahan berkenaan.

Penyelidik yang meneruskan legasi pembangunan ketuhar besi berkenaan, Wan Mohd. Fariz Wan Azman berkata, teknologi itu mampu menghasilkan lemgang yang tidak kurang hebatnya berbanding yang dihasilkan secara kaedah konvensional.

“Daripada segi tekstur dan rasa sama sahaja kerana teknologi ini juga menggunakan kaedah pembakaran menggunakan gelombang ketuhar dan bukannya merebus.

“Malah, hasilnya juga lebih berkualiti kerana ia masak

dengan sekata.

Jadi, tekstur yang dihasilkan lembut dan tidak ada bahagian yang hangit, terlebih masak atau keras,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambahnya, tekstur lemgang yang masak sekata dan lembut adalah lebih sesuai dimakan berbanding yang keras atau hangit disebabkan arang kerana pengambilan secara berterusan bahagian berkenaan boleh menyebabkan pelbagai masalah kesihatan seperti kanser.

Tidak hanya itu, ia juga lebih sesuai sekiranya hendak dihidangkan di majlis-majlis rasmi kerana sudah tentu ramai orang yang gemarkan tekstur lemgang yang lembut dan mudah dimakan.

Ditanya kekurangan jika tidak menggunakan buluh sebagai bekas pembakar yang sudah menjadi tradisi sejak





**Aroma yang sebenarnya datang daripada daun pisang. Sebab itu dalam teknologi ini kita kekalkan penggunaan daun pisang untuk mengekalkan aroma tradisi lemang.”**

puhulan tahun dahulu, Fariz berkata tiada perbezaan ketara.

Hal ini kerana, kajian yang telah dijalankan mendapati buluh tidak memberikan sebarang rasa atau aroma kepada lemang.

“Sebab itu orang dahulu memasak menggunakan buluh kerana ia tidak memberikan efek rasa atau bau kepada makanan yang dimasak. Ia hanya sebagai semata-mata bekas sahaja.



WAN Mohd. Fariz Wan Azman (kiri) dan pembantu menunjukkan lemang yang sudah siap di masak dalam kelongsong besi.

“Sebaliknya, aroma yang sebenarnya datang daripada daun pisang. Sebab itu dalam teknologi ini kita kekalkan penggunaan daun pisang untuk mengekalkan aroma tradisi lemang,” ujarnya.

#### LEBIH CEPAT

Ketuhar lemang itu mampu menghasilkan empat hingga 21 batang lemang dalam masa dua jam mengikut saiz mesin berbanding empat hingga enam jam bagi kaedah membakar lemang secara tradisional.

Saiz mesin yang besar mampu memuatkan lebih banyak kelongsong lemang yang diperbuat daripada besi tahan karat.

Setiap kelongsong hanya perlu diisi dengan daun pisang serta bahan asas pembuatan lemang iaitu santan dan pulut sebelum dibakar dengan suhu 180 darjah Celsius.

Terdapat dua pilihan yang disediakan mengikut keselesaan pengguna sama ada mahu menggunakan ketuhar elektrik atau gas.

Ketuhar elektrik berfungsi secara automatik sepenuhnya manakala gas memerlukan

pemantauan suhu secara berkala. Namun, kedua-duanya menghasilkan tekstur dan rasa lemang yang sama.

Tambahnya, penggunaan mesin juga boleh membantu meningkatkan kapasiti pengeluaran sekali gus membolehkan untuk ke pasaran eksport.

“Orang takut hendak pakai mesin sebab harga yang beribu tetapi jika difikirkan semula pelaburan hanya sekali dan ia boleh digunakan berulang kali berbanding buluh yang kegunaan hanya sekali sahaja,” katanya lagi.

#### MUDAH DAN BERSIH

Berbanding buluh asli, kelongsong lemang besi tersebut boleh dibuka menjadikan proses memasukkan daun pisang menjadi lebih mudah.

“Oleh itu, kebersihan kelongsong juga boleh dijamin

dan dibersihkan dengan mudah berbanding buluh yang hanya boleh ditebuk di bahagian atas.

“Paling membimbangkan jika peniaga menghasilkan dalam skala yang besar setiap hari menyebabkan buluh tidak dapat dicuci dengan bersih. Kita tidak mahu ada kejadian jumpa macam-macam (serangga) dalam lemang disebabkan buluh yang tidak dicuci bersih,” tambah Fariz.

Tegasnya, isu kebersihan juga merupakan antara objektif utama penghasilan lemang besi bagi mengelakkan pencemaran dalam makanan.

#### LEMANG MINI

Selain itu, mini lemang turut dihasilkan untuk kegunaan secara domestik.

Kelongsong lemang berukuran kecil diperbuat daripada besi tahan karat boleh dimasak hanya dengan menggunakan periuk nasi.

“Konsepnya sama, membakar menggunakan ketuhar tetapi boleh digunakan dalam periuk. Hanya tambahkan air dalam periuk nasi dan masukkan kelongsong yang telah diisi santan dan beras.

“Kegunaan domestik ini kita sediakan sebab tidak mahu budaya makan lemang hilang” ujarnya lagi.

Sementara itu, Pegawai Penyelidikan Kanan Program Pengkomersialan Teknologi MARDI, Nur Mohd. Saifuddin Salhuddin berkata, mesin berkenaan boleh didapati dengan harga bermula daripada RM2,500 hingga RM13,000 bergantung kepada saiz.

Buat masa ini, pertanyaan lanjut untuk pembelian mesin atau teknologi boleh berhubung lanjut dengan institut berkenaan.



KETUHAR lemang diperbuat daripada besi tahan karat yang tidak memerlukan penyelenggaraan berkala.



TEKSTUR lemang cantik, licin dan berkilat kerana dimasak sekata dalam ketuhar.